

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO' SERI DR SITI HASMAH BT. HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS PERASMIAN TADIKA BUKIT JELUTONG  
DI TADIKA BUKIT JELUTONG, SHAH ALAM  
PADA HARI SELASA, 29 OGOS 2000  
JAM 10.00 PAGI**

---

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke-hadrat Ilahi kerana limpah kurnia-Nya kepada kita semua dan berbanyak terima kasih kepada Kumpulan Guthrie Berhad kerana sudi menjemput saya untuk majlis merasmikan Tadika Bukit Jelutong pada hari ini.

2. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun pesat sekarang, Malaysia boleh bersaing dengan negara-negara yang maju dalam hampir semua bidang. Tidak kira di mana atau apa bidang sekalipun, rakyat Malaysia mampu menandingi bangsa-bangsa lain untuk mencapai kejayaan.

3. Pembangunan yang diidamkan biasanya disertai dengan taraf hidup yang mencerminkan kemakmuran dan kemajuan dalam segala bidang akan memberi lebih makna dalam kehidupan manusia sejagat. Dengan menyediakan asas pembangunan yang berkualiti akan juga melahirkan struktur masyarakat yang berkualiti. Namun begitu, pembangunan ini memerlukan perancangan dan pelan tindakan agar ia tidak mengeneipkan aspek-aspek kesejahteraan manusia.

4. Bagi mendokong aspirasi Kerajaan, kita harus menitikberatkan pembinaan komuniti yang lebih erat terutama sekali di bandar-bandar. Tiada ertinya pembangunan yang moden dan canggih seperti dalam arus kemajuan era e-dagang, k-ekonomi dan sebagainya jika masyarakatnya pincang dan sentiasa dibelenggu kebimbangan dan tidak stabil.

5. Maka di sini, tanggungjawab ini harus kita pikul bersama dan para pemaju hartanah khususnya mempunyai peranan yang penting.

6. Sebagai contoh, pemaju seperti Kumpulan Guthrie boleh menstruktur pembangunan hartanah dengan lebih baik untuk mewujudkan sebuah komuniti bahagia di kawasan mereka. Untuk itu, segala prasarana seperti kemudahan riadah dan rekreasi perlu disediakan bagi kegunaan mereka.

7. Susunatur dan rekabentuk rumah yang sesuai perlu ditekankan agar memberi sebuah kehidupan yang berkualiti bagi penduduk-penduduknya.
8. Tambah lagi, konsep kejiranan perlu ditekankan di mana pemaju perlu peka mengenai keperluan sesebuah rumah dengan tidak membina pagar atau tembok rumah yang terlalu tinggi hingga menghalang penduduk daripada berkomunikasi sesama jiran mereka. Jika perlu, budaya kampung seperti amalan kejiranan diterapkan di bandar-bandar.
9. Kita tidak mahu melihat kemerosotan nilai-nilai moral dan keharmonian komuniti dalam masyarakat di negara-negara yang maju seperti di negara-negara Barat berlaku di dalam masyarakat dan negara kita. Di sana semangat kejiranan, aspek keselamatan dan sebagainya telah diabaikan.
10. Banyak contoh boleh dijadikan iktibar seperti kejadian pelajar di sebuah sekolah di Amerika yang menembak rakan dan guru kelasnya. Adakah kita mahu melihat tempat yang selamat seperti di sekolah menjadi tidak selamat lagi untuk anak-anak kita belajar? Adakah kita mahu anak-anak kita yang dari kecil lagi, diserapkan dengan perasaan tidak bersyukur, tidak berterima kasih, membenci orang itu dan kumpulan ini?
11. Sungguhpun kecil, tetapi jika dipupuk dengan nilai-nilai negatif, lambat-laun mereka akan juga diresap dan nilai-nilai negatif ini menjadi sebatu dalam otak dan pemikiran anak-anak itu. Kita tahu pepatah berbunyi "Jika hendak melentur buluh, biarlah dari rebungunya".
12. Oleh itu, saya ingin melihat tadika-tadika baru yang ditubuhkan dalam negara mi mengambil perhatian yang serius terhadap membentuk anak-anak kecil kita hari ini. Objektif-objektif tadika harus mengandungi nilai-nilai yang murni, yang mudah di faham dan di amal oleh kanak-kanak kecil dalam aktiviti-aktiviti harian mereka.
13. Kanak-kanak kecil harus dididik menghormati ibu bapa, orang-orang yang lebih tua pada mereka dan guru-guru. Mereka dilatih bagaimana bersalam secara bersopan santun mengikut adat resam kita.
14. Mengucap "terima kasih" dan bersyukur atas apa pemberian yang didapati dan menghargainya harus dijadikan amalan. Dalam keadaan mewah kini, perbezaan nilai ketara sekali antara anak-anak kita. Yang kaya, tidak menghargai hadiah-hadiah yang diberi dan ingin kepada yang lebih canggih dan yang mahal; sebaliknya anak-anak yang tidak berada, menghargai apa jua yang diberi dan menyimpannya hingga dewasa.

15. Saya juga ingin lihat kanak-kanak kecil dididik mengenai kebersihan bermula di rumah. Di Negara Jepun; kanak-kanak kecil disediakan dengan satu uncang kecil yang disandang sebagai suatu pakaian seragam untuk ke sekolah. Kanak-kanak itu dilatih melipat hingga kecil apa jua kertas yang hendak dibuang. Sampah itu disimpan dalam uncang dan dibawa balik ke rumah untuk dibuang dalam tong sampah.

16. Tidak hairanlah kita melihat negara Jepun sentiasa bersih dan nyaman kerana amalan murni dan mulia ini telah dididik dari peringkat kecil lagi.

17. Di negara kita, di mana kebersihan sentiasa dipersoalkan, kita haras mengambil contoh yang amat mudah ini dan mulakan dalam tadika-tadika seperti Bukit Jelutong Kindergarten ini. Ibu bapa dan guru-guru perlu bersepakat dalam hal ini dan bekerjasama. Mereka harus menjadi contoh kebersihan sendiri bagi kanak-kanak meniru. Bilik air dan tandas di rumah dan di Sekolah bagi guru-guru dan murid-murid mesti bersih dan lengkap untuk kanak-kanak kecil faham dan sedar bahawa tandas/bilik air pun perlu bersih.

18. Banyak lagi ingin saya senaraikan untuk guru-guru memberi didikan kepada kanak-kanak kecil. Sambil memberi ilmu membaca, mengira dan menulis, saya berharap tidak dilupakan cintakan Negara dan rukun-rukunnya, persaudaraan dan persahabatan antara kaum, sikap ingin berkongsi dan penyayang, dan sikap yakin diri dan rajin berusaha mencapai kejayaan. Dengan latihan-latihan ini berserta dengan ajaran kerohanian yang mengandungi juga amalan-amalan yang baik dan mulia ini, masalah atau gejala-gejala remaja dan dewasa dalam sekolah-sekolah nanti akan berkurangan, insya-Allah.

19. Pembangunan yang melulu tanpa pembangunan insaniah juga tiada gunanya. Pembangunan insaniah yang dikecapi akan menjadi lebih bermakna sekiranya masyarakat dapat hidup bersama dalam suasana damai. Pembangunan yang dirancang adalah untuk kesejahteraan hidup di masa hadapan dan ia lebih memberi keutamaan kepada generasi kita akan datang selaku pewaris bangsa. Penekanan kepada kehidupan masyarakat bahagia amat perlu memandangkan di zaman serba moden dan canggih ini, kita memerlukan suatu cara hidup yang sesuai dengan arus kemajuan dunia agar kita tidak tersasar.

20. Maka itu, sebuah masyarakat harmonis lahir daripada individu-individu yang sihat dan saling hormat-menghormati sesama mereka.

21. Bertitik-tolak dari inilah, maka kita sebagai pendokong tugas yang awal ini perlu memainkan peranan-peranan tadi bagi memastikan generasi kita mendapat manfaat dan pengajaran untuk mengharungi hidup dengan lebih bererti selepas ketiadaan kita kelak.

22. Pendidikan asas perlu untuk dijadikan sandaran awal sebelum menerima pendidikan formal kerana kita tidak mahu generasi akan datang keliru dan bercelaru untuk memilih arah dan jenis pendidikan yang diperlukan.

23. Saya difahamkan bahawa Tadika Bukit Jelutong merupakan sebuah tadika yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Berbagai kemudahan dan infrastruktur diadakan memungkinkan tadika ini menjadi sebuah pusat didikan awal yang baik dan sesuai untuk membangunkan masyarakat harmonis.

24. Sebagai sebuah tadika di kawasan perumahan baru seperti Bukit Jelutong, kemudahan yang disediakan di tadika ini telah memudahkan para ibu bapa mengikuti perkembangan anak-anak mereka walau di mana mereka berada sekalipun. Ini sekaligus dapat merapatkan lagi hubungan ibu bapa dengan anak-anak. Malahan, tadika yang berbentuk istana ini amat sesuai dan menarik perhatian terutama kepada kanak-kanak itu sendiri.

25. Sistem pembelajaran yang berkonsep pra-sekolah telah menyediakan anak-anak di sini dengan asas pendidikan sebelum memasuki alam persekolahan yang sebenar. Mata pelajaran seperti asas didikan keagamaan, teknik pemahaman dan pembelajaran yang diterapkan merupakan sesuatu yang berguna dan sesuai bagi perkembangan minda anak-anak di sini.

26. Ini sangat penting untuk membina minda yang cergas di samping memupuk perasaan berani di kalangan kanak-kanak. Selain itu, tadika ini juga menyediakan kemudahan-kemudahan pembelajaran komputer untuk membiasakan diri anak-anak ini dengan dunia komputer di samping mengenalkan mereka kepada dunia IT agar mereka celik dan cintakan IT. Syabas diucapkan kepada Guthrie dan pihak penguasa tadika yang telah menyediakan prasarana ini.

27. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada Kumpulan Guthrie Berhad dan juga pihak Tadika British Montessori di atas kejayaan yang telah dicapai dan semoga ia akan terus menjadi contoh pembangunan masyarakat dan pendidikan.

28. Dengan harapan Tadika ini akan maju dan mencapai matlamatnya, saya dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, merasmikan pembukaan Tadika Bukit Jelutong.